



MOT BULETIN

Edisi 7
Julai 2018



Kementerian Pengangkutan menerima Timbalan Menteri

Pada 4 Julai yang lalu, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi peringkat MOT. Lebih daripada 1,000 orang tetamu telah hadir ke majlis ini terdiri daripada warga MOT, Jabatan, Agensi dan semua syarikat pengendali dan pemegang taruh sektor pengangkutan negara. Acara ini tambah bermakna dengan kehadiran kedua-dua YB Menteri dan Timbalan Menteri Pengangkutan.

Sambutan tahun ini lebih meriah dengan lebih daripada 20 gerai makanan yang menghidangkan pelbagai juadah hasil kendalian setiap jabatan, agensi, syarikat pengendali dan operator pengangkutan awam di bawah seliaan MOT. Ini bukan sahaja menambah seri majlis tetapi lebih utama lagi ianya mencerminkan kesepadan semua jabatan dan agensi di bawah MOT yang kini mempunyai ‘ahli keluarga’ baru yang lebih besar. Antaranya termasuk Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak serta operator-operator pengangkutan awam seperti Prasarana dan MRTCorp.

Tambah istimewa, warga turut dihiburkan dengan alunan lagu-lagu hari raya oleh kumpulan band yang didatangkan khas daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Tidak berapa lama selepas MOT menerima YB Loke Siew Fook sebagai Menteri Pengangkutan, warga MOT sekali lagi teruja dan mengalu-alukan pengumuman pelantikan YB Datuk Kamarudin Jaffar sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan. Setelah mengangkat sumpah jawatan di hadapan Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Muhammad V pada 2 Julai yang lalu, YB Datuk Kamaruddin tidak berlengah untuk memulakan tugas beliau di Kementerian Pengangkutan (MOT) pada esok harinya.

Beliau yang tiba pada jam 8.30 pagi 3 Julai 2018 diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Seri Saripuddin bin Hj Kasim dan kemudian mengadakan pertemuan dengan YB Menteri sebelum diperkenalkan dengan barisan kepimpinan MOT dalam satu sesi taklimat khas.

YB Datuk Kamarudin Jaffar dilahirkan pada 3 November 1951 di Tumpat, Kelantan telah mula berkecimpung dalam arena politik sejak lebih tiga dekad yang lalu. YB Datuk Kamarudin yang kini merupakan Ahli Parlimen bagi kawasan Bandar Tun Razak berkelulusan Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti of Kent di Canterbury, England dan Ijazah Sarjana daripada University of London.

Seluruh warga MOT, Jabatan dan Agensi mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada YB Datuk Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan yang baru!



Sambutan Hari Raya MOT Meriah

#Info Psikologi

“Hidup adalah keberanian menghadapi tanda tanya”.

Laporan Siasatan Keselamatan MH370



Pada 30 Julai 2018, pasukan penyiasatan keselamatan MH370 yang dikenali sebagai 'The Malaysian ICAO Annex 13 Safety Investigation Team for MH370' telah menerbitkan Laporan Siasatan Keselamatan MH370 (Safety Investigation Report) setelah lebih daripada empat tahun penyiasatan dijalankan. Pasukan ini telah memberi taklimat khusus berhubung laporan ini kepada waris dan ahli keluarga mangsa MH370 pada sebelah pagi dengan kehadiran lebih daripada 70 waris penumpang dan anak kapal serta wakil-wakil kedutaan dan pesuruhraya tinggi negara-negara yang terlibat dalam nahtas yang begitu tragis ini.

Pasukan itu yang diketuai oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, YBhg. Dato' Kok Soo Chon dianggotai oleh 19 orang penyiasat yang terdiri daripada pakar-pakar termasuk tujuh (7) orang wakil bertauliah (Accredited Representative) daripada tujuh pihak berkuasa kemalangan udara antarabangsa daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan 2 negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota Pasukan Penyiasat yang terpilih adalah dilantik berdasarkan kepakaran mereka.

Pasukan tersebut kemudiannya mengadakan taklimat kepada pihak media pada sebelah petang dan seterusnya mengeluarkan laporan tersebut untuk masyarakat umum pada jam 2.30 petang 30 Julai 2018. Laporan MH370 itu boleh didapati di laman web Kementerian Pengangkutan di: <http://mh370.mot.gov.my/>. Pada 31 Julai 2018, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia telah membentangkan laporan tersebut di Dewan Rakyat dalam satu sesi khas.

Pengeluaran Laporan Siasatan Kemalangan Udara Pesawat MH370 ini menunjukkan komitmen dan ketulusan Malaysia dalam mematuhi tanggungjawabnya sebagai salah sebuah Negara pejanji Konvensyen Chicago dan Aneks 13. Pasukan Penyiasat telah diberikan kebebasan sepenuhnya dalam menjalankan siasatan dan tiada sebarang pindaan yang dibuat ke atas laporan tersebut.

Pihak MOT berharap ahli keluarga dan rakan taulan mangsa agar terus cekal dan kekal tabah dalam meniti hari-hari yang mendatang tanpa orang yang disayangi. Doa dan ingatan kami akan terus bersama dengan mereka agar diberi ketabahan dan kecekalan hati dalam meneruskan kehidupan.

